

Dua universiti tandatangani Lol laksana penyelidikan pelbagai bidang akademik

# Sabah, Brunei jalin kerjasama

UM 5.02.2014 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 4 Feb. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam menandatangani surat hasrat (Lol) bagi membolehkan kedua-dua pihak menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang akademik.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah manakala Rektor UNISSA, Pengiran Anak Dr. Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Ismail mewakili universiti itu dalam majlis yang berlangsung di pejabat UNISSA, di sini baru-baru ini.

Perjanjian kerjasama ini turut disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Brunei Darussalam, Datuk Awang Sahak Awang Salleh.

Melalui kerjasama tersebut, kedua-dua pihak bakal menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang e-perdagangan dan kewangan Islam selain menjalankan kajian terhadap

Melalui kerjasama tersebut, kedua-dua pihak bakal menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang e-perdagangan dan kewangan Islam selain menjalankan kajian terhadap Borneo.

Mohd. Harun berkata, kedua-dua pihak juga bersetuju mengadakan program mobiliti kakitangan dan pelajar, selain pertukaran penyebarluasan bahasa.

Katanya, perjanjian kerjasama terbaru itu yang ditandatangani sempena lawatan delegasi UMS ke Brunei baru-baru ini, bakal menyemarakkan hubungan dua hala antara UMS dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara tersebut.



MOHD. HARUN ABDULLAH (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Pengiran Anak DR. AMIRUDDIN ALAM SHAH PENGIRAN ANAK ISMAIL (dua dari kiri) selepas majlis menandatangani Lol di Brunei, baru-baru ini.